

**PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS PRASYARAT BAGI PELAJAR SISWAZAH TANPA KELAYAKAN  
DALAM BIDANG DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

**KANDUNGAN**

1. PENGENALAN	1
2. DEFINISI	1
3. PANDUAN UMUM KURSUS PRASYARAT	1
4. PENETAPAN KELAYAKAN DALAM BIDANG PENGAJIAN	2
5. PENAWARAN KURSUS	4
6. PENETAPAN KOD KURSUS	5
7. PENDAFTARAN KURSUS	6
8. PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECEUALIAN KURSUS	7
9. PENILAIAN DAN GRED	7
10. PENGENDALIAN SECARA <i>MICRO-CREDENTIAL</i>	7
11. PENGENDALIAN SECARA TERADUN	8
12. PENGENDALIAN SECARA DALAM TALIAN	8

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai panduan pelaksanaan kursus prasyarat untuk pelajar siswazah tanpa kelayakan dalam bidang atau pengalaman kerja yang berkaitan dan memenuhi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum yang ditetapkan untuk menjalani kursus prasyarat yang bersesuaian.
- 1.2. Dokumen ini menerangkan secara terperinci kriteria-kriteria yang perlu diambil kira dalam menetapkan bidang pengajian kepada calon pelajar dan kaedah pelaksanaan kursus prasyarat sama ada secara konvensional, secara teradun atau dalam talian.

## 2. DEFINISI

- 2.1. Kelayakan Dalam Bidang Pengajian  
Keperluan yang telah digariskan dalam Program Standard. Bagi bidang yang tidak mempunyai Program Standard, penetapan bidang adalah berdasarkan salah satu daripada kelayakan akademik terdahulu.
- 2.2. Kursus Prasyarat  
Kursus atau keperluan lain yang perlu diambil oleh pelajar sebelum mengikuti sesuatu kursus atau program.
- 2.3. *Micro-credential*  
Satu konsep pensijilan secara digital yang mengiktiraf pemerolehan pengetahuan, kemahiran atau kecekapan dalam bidang ilmu tertentu yang spesifik.
- 2.4. Pembelajaran Teradun  
Pembelajaran teradun adalah gabungan pembelajaran secara konvensional dan pembelajaran dalam talian.
- 2.5. Pembelajaran Dalam Talian  
Kaedah pembelajaran yang dilaksanakan secara dalam talian atau dikenali sebagai e-pembelajaran.

## 3. PANDUAN UMUM

- 3.1. Kursus prasyarat sebaiknya dilaksanakan sebelum calon pelajar mengikuti program Sarjana atau Kedoktoran.
- 3.2. Calon pelajar wajib lulus kursus prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan.

- 3.3. Calon pelajar boleh mengikuti kursus lain yang tidak memerlukan keperluan kursus prasyarat tersebut.
- 3.4. Kandungan prasyarat perlu sekurang-kurangnya berada pada Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Frameworks, MQF*)
- 3.5. Bilangan kredit bagi kursus prasyarat boleh diambil kira bagi tujuan pengiraan kredit bergraduat.
- 3.6. Sekiranya calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang telah mengikuti kursus prasyarat yang berkaitan secara *micro-credential* atau mengambil kursus berkaitan sebagai kursus Elektif semasa pengajian di peringkat Sarjana Muda, calon pelajar layak dikecualikan dengan mengemukakan bukti keputusan kursus kepada Fakulti.

#### 4. PENETAPAN KELAYAKAN DALAM BIDANG PENGAJIAN

- 4.1. Proses penetapan kelayakan pelajar dalam bidang atau tanpa kelayakan dalam bidang berlaku di peringkat Fakulti/ Pusat.
- 4.2. Fakulti/ Pusat perlu menetapkan kursus prasyarat yang perlu diambil pelajar dan kursus ini perlu dinyatakan dalam surat tawaran pengajian calon pelajar.
- 4.3. Calon pelajar tidak mempunyai kelayakan dalam bidang sekiranya mempunyai salah satu daripada kriteria berikut:
  - 4.3.1. Program Standard menyatakan keperluan-keperluan untuk menentukan kelayakan dalam bidang:

##### a) Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan

- i. Program Sarjana  
Calon yang memohon pengajian Mod Kerja Kursus dan Campuran dengan Ijazah Sains atau Teknologi atau yang setara (bukan Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan) yang terpilih. Calon pelajar yang memohon pengajian Mod Penyelidikan, dengan Ijazah Sains atau Teknologi tetapi mempunyai PNGK melebihi 2.00 tetapi kurang daripada 2.50 dan melalui penilaian dalaman yang rapi.
- ii. Program Doktor Falsafah  
Calon pelajar yang memohon pengajian Mod Penyelidikan dengan Ijazah Sarjana atau Sarjana Muda Sains atau Teknologi tetapi mempunyai PNGK melebihi 2.00 tetapi kurang daripada 2.50 dan melalui penilaian dalaman yang rapi.

**b) Komputeran**

- i. Program Sarjana  
Calon pelajar yang memohon semua Mod Pengajian Sarjana yang tidak memiliki Ijazah Komputeran terdahulu.
- ii. Program Doktor Falsafah  
Calon pelajar yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana atau setara dan calon tidak menamatkan sekurang-kurangnya satu (1) daripada Ijazah terdahulu (Sarjana Muda atau Sarjana) dalam komputeran atau yang berkaitan dengan komputeran.

**c) Pengajian Perniagaan**

- i. Program Sarjana  
Calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda bukan dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK seperti yang telah diluluskan oleh Senat dan tiada pengalaman kerja yang berkaitan.
- ii. Program Doktor Falsafah  
Calon yang memiliki Ijazah Sarjana bukan dalam bidang yang berkaitan dengan minimum PNGK seperti yang telah diluluskan oleh Senat dan tiada pengalaman kerja yang berkaitan.

**d) Pengajian Islam**

- i. Program Sarjana  
Calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda bukan dalam bidang dan tidak mempunyai kelayakan formal dalam bidang perlu mengambil penilaian kelayakan yang merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temuduga) dan perlu lulus peperiksaan kelayakan. Perbezaan keputusan penilaian bertulis dan lisan perlu dalam julat yang kecil yang ditentukan oleh universiti dan setanding dengan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan. Sekiranya perbezaan keputusan penilaian adalah dalam julat yang besar, calon pelajar tidak layak untuk meneruskan dalam bidang tersebut.
- ii. Program Doktor Falsafah  
Calon yang memiliki Ijazah Sarjana bukan dalam bidang dan tidak mempunyai kelayakan formal dalam bidang perlu mengambil penilaian kelayakan yang merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temuduga) dan perlu lulus peperiksaan kelayakan. Perbezaan keputusan penilaian bertulis dan lisan perlu dalam julat yang kecil yang ditentukan oleh universiti dan setanding dengan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan. Sekiranya perbezaan keputusan penilaian adalah dalam julat yang besar, calon pelajar tidak layak untuk meneruskan dalam bidang tersebut.

**e) Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

i. Program Sarjana

Calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda bukan dalam bidang berkaitan atau tiada pengalaman kerja yang berkaitan dengan minimum PNGK seperti yang telah diluluskan oleh Senat perlu mengambil kursus prasyarat yang sesuai seperti yang telah ditentukan oleh Universiti seperti *OSH Legislation, Related Legislation and Standards, Occupational Safety, OSH Risk Assessment, Occupational Health, OSH Management System dan OSH Related Theories*.

ii. Program Doktor Falsafah

Calon yang memiliki Ijazah Sarjana bukan dalam bidang berkaitan atau tiada pengalaman kerja yang berkaitan perlu mengambil kursus prasyarat yang sesuai seperti yang telah ditentukan oleh Universiti seperti *OSH Legislation, Related Legislation and Standards, Occupational Safety, OSH Risk Assessment, Occupational Health, OSH Management System dan OSH Related Theories*

**f) Bahasa**

Calon yang mempunyai kelayakan atau pengalaman bekerja bukan dalam bidang yang berkaitan perlu mengambil empat kursus prasyarat seperti *Introduction to Linguistics, Phonetics, Syntax, Semantics* atau mana-mana kursus yang berkaitan.

4.3.2. Kelayakan Akademik Terdahulu adalah bukan dalam bidang pengajian yang dipohon. Sebagai contoh:

- a) Sekiranya calon pelajar memohon untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Fizik, calon pelajar mempunyai Ijazah Sarjana Muda bukan dalam bidang Fizik.
- b) Sekiranya calon pelajar memohon untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Fizik, kedua-dua Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda calon pelajar adalah bukan dalam bidang Fizik.

**5. PENAWARAN KURSUS**

- 5.1. Satu kursus prasyarat perlu diwujudkan bagi setiap Kod Pendidikan National (National Education Code, NEC).

- 5.2. Kursus prasyarat perlu ditawarkan mengikut NEC dan hanya mempunyai SATU (1) jam kredit yang bersamaan dengan nilai 40 jam pembelajaran pelajar (SLT).
- 5.3. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 4.0 di atas, wajib mengambil hanya SATU (1) kursus prasyarat kecuali Bidang Bahasa NEC0230.
- 5.4. Kursus prasyarat yang ditawarkan kepada calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang yang berkaitan dan ingin memulakan pengajian dalam bidang yang berkaitan Pengurusan dan Perniagaan NEC0410 perlu berada pada Tahap 6 MQF untuk calon Sarjana manakala pada Tahap 7 untuk calon Doktor Falsafah.
- 5.5. Bagi Bidang Bahasa NEC0230, calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu mengambil sekurang-kurangnya EMPAT (4) kursus yang berkaitan dengan bidang bahasa seperti *Introduction to Linguistics, Phonetics, Syntax dan Semantics*.
- 5.6. Bagi Bidang Kemanusiaan NEC0220, kursus prasyarat yang ditawarkan perlu menitikberatkan kefahaman asas mengenai metodologi ilmu utama Pengajian Islam selain unsur ilmu yang relevan dengan bidang pilihan calon.

## 6. PENETAPAN KOD KURSUS

- 6.1. Penetapan kursus prasyarat berdasarkan susunan kod dan maksud adalah seperti berikut:

### **ZPXABC1**

- 6.1.1. **Z** merupakan abjad pertama yang merujuk kepada kod spesifik dan tetap untuk kursus prasyarat
- 6.1.2. **P** merupakan abjad kedua yang merujuk kepada kod spesifik dan tetap untuk siswazah
- 6.1.3. **X** merupakan abjad ketiga yang merujuk kepada Fakulti/ Pusat (Rujuk Jadual 1)
- 6.1.4. **A** merupakan abjad keempat yang merujuk kepada bilangan kursus yang ditawarkan di Fakulti/ Pusat mengikut susunan
- 6.1.5. **BC** merupakan abjad kelima dan keenam yang merujuk kepada NEC (Rujuk Jadual 1) dan 1 merupakan bilangan jam kredit untuk kursus prasyarat.

Jadual 1

FAKULTI/ PUSAT	X	NEC	BC
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)	H	0220 - Humanities (except languages)	01
		0310 - Social and behavioural sciences not further defined	02
Pusat Bahasa Moden (PBM)	B	0230 - Languages	03
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	P	0410 - Business and administration not further defined	04
Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	S	0510 - Biological and related sciences not further defined	05
		0530 - Physical sciences not further defined	06
		1022 - Occupational health and safety	07
Pusat Sains Matematik (PSM)	T	0540 - Mathematics and statistics not further defined	08
Fakulti Komputeran (FK)	C	0610 - Information and Communication Technologies (ICTs) not further defined	09
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)	K	0710 – Engineering and engineering trades not further defined	10
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	M		
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	E		
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	A		
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	F	0720 - Manufacturing and processing not further defined	11

6.2. Sebagai contoh, kursus Linguistics ditawarkan di bawah NEC0230 dan dikendalikan oleh Pusat Bahasa Moden (PBM). Oleh itu, kod kursus prasyarat yang boleh digunakan adalah ZPB1031. Sekiranya terdapat penambahan kursus prasyarat yang kedua, ketiga dan keempat, kod kursus adalah ZPB2031, ZPB3031, ZPB4031.

## 7. PENDAFTARAN KURSUS

7.1. Pendaftaran kursus prasyarat perlu dilakukan oleh calon pelajar selepas pendaftaran pelajar baharu dan dibantu oleh pihak Fakulti/ Pusat. Penawaran dan pengendalian kursus tersebut adalah di bawah tanggungjawab Fakulti/ Pusat.

- 7.2. Calon pelajar adalah bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan dengan teliti.

## 8. PEMINDAHAN KREDIT

- 8.1. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang telah mengikuti kursus prasyarat yang berkaitan secara *micro-credential* layak untuk pemindahan kredit.
- 8.2. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang telah mengikuti kursus prasyarat yang berkaitan sebagai kursus Elektif semasa pengajian di peringkat Sarjana Muda, calon pelajar layak untuk pemindahan kredit.
- 8.3. Calon pelajar perlu mengemukakan bukti keputusan kursus kepada Fakulti/ Pusat.
- 8.4. Pemindahahn kredit kursus prasyarat perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Fakulti dan dimaklumkan kepada Mesyuarat Institut Pengajian Siswazah (MIPS) sebelum memulakan pengajian.

## 9. PENILAIAN DAN GRED

- 9.1. Keseluruhan peratusan markah perlu diperuntukan kepada penilaian kerja kursus dan tiada peperiksaan akhir.
- 9.2. Calon pelajar yang bukan dalam bidang perlu hadir wajib dan lulus dengan minimum Gred B- (60 markah).

## 10. PENGENDALIAN SECARA *MICRO-CREDENTIAL*

- 10.1. Satu kursus *Micro-credential* dibahagikan kepada beberapa modul berdasarkan bilangan hasil pembelajaran kursus (*Course Learning Outcome*, CLO). Setiap modul bertujuan mencapai CLO yang berbeza.
- 10.2. Bagi satu modul, 1 jam kredit diperuntukan bagi setiap kursus prasyarat yang bersamaan dengan 40 SLT.
- 10.3. Kursus prasyarat secara *Micro-credential* perlu diselesaikan dalam tempoh dua (2) minggu tempoh dan sebelum memulakan pengajian.



## **11. PENGENDALIAN SECARA TERADUN**

11.1. Perincian pengendalian kursus secara teradun dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun di Pelantar Kalam Universiti Malaysia Pahang (2023).

## **12. PENGENDALIAN SECARA DALAM TALIAN**

12.1. Perincian pengendalian kursus secara dalam talian dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun di Pelantar Kalam Universiti Malaysia Pahang (2023).